

Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Anis Syahirah Fauzan¹ & Sabri Mohamad²

Email: ¹anisyahirah91@yahoo.com & ² sabri_m@ukm.edu.my

¹Calon sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Hafazan al-Quran merupakan amalan *spirituallity* yang memperkasakan aspek mental, jiwa dan intelektual. Mengadunkan ilmu al-Quran dan akademik secara bersepada melahirkan pelajar yang berkualiti dan holistik yang berkemampuan untuk mendepani cabaran dunia masa kini. Dalam mendepani dunia pendidikan yang semakin maju dan mencabar, kerajaan mensasarkan untuk melahirkan seramai 125000 huffaz profesional dalam pelbagai bidang menjelang 2050 melalui agenda Transformasi Nasional 50 (TN50). Namun, sistem kurikulum pendidikan tahniz yang cacamarba, tidak sistematik dan tanpa penyelarasaran terutamanya dalam kalangan pusat tahniz persendirian dilihat merencatkan usaha ini. Masalah sistem kurikulum pendidikan tahniz yang tidak bersepada ini masih membelenggu di kebanyakan pusat tahniz persendirian atau swasta ini wajar di atasi dengan Dasar Pendidikan Tahniz Negara (DPTN) yang sedang dalam perangkaan kerana amalan menghafaz al-Quran sangat memberi kesan kepada kecemerlangan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan dan hubungan hafazan al-Quran terhadap aspek kecemerlangan akademik pelajar Ijazah Sarjana Muda Quran Sunnah Dengan Kepujian USIM di Darul Quran. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa hafazan al-Quran memberi impak yang positif kepada kecemerlangan akademik pelajar berdasarkan penilaian terhadap PNGK semasa, nilai regressi ($\Delta R^2=0.378$) dan nilai korelasi ($r=0.615$). Implikasi kajian ini telah merumuskan bahawa aktiviti menghafaz al-Quran perlu diberi perhatian dan diadunkan secara bersepada dengan bidang akademik kerana hafazan al-Quran juga turut menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar.

Kata Kunci: kesan hafazan, hafazan al-Quran, kecemerlangan, akademik, huffaz profesional

Abstract

The memorization of al-Quran is a practice of spirituallity which enlightens the aspects of mentality and intellectuallity. The cohesive mixture of Quranic and academic knowledge will generate more quality students and holistic that capable to face the challenge in today's world. In facing the reality of present's education which considered to be advancing and challenging, the government targets to produce a number of 125000 professional huffaz in many fields towards 2050 through the agenda of *Transformasi Nasional* (TN50). Nevertheless, the curriculum of tahniz school which considered to be obsolete, unsystematic and without any synchronization among the ahfiz administration in the curriculum education would reduce these efforts. The problem with unsystematic education curriculum in tahniz school will create troubles in future in many tahniz centre whether run on their own or privately which shall be encountered with the *Dasar Pendidikan Tahniz Negara* (DPTN) that is still being under progress. The very reason because, the practice of Quranic memorization really gives a great impact towards the excellency of the students. Therefore, this study design to investigate the impact and relationship of Quranic memorization towards the aspect of students' academic excellence in Bachelor of Quran Sunnah (Honours) USIM in Darul Quran. The methodology used in this study is through a set of questionnaire. The findings are the memorization of Quran gives a positive impact towards the students' academic excellence based on the current value of CGPA, regression value ($\Delta R^2=0.378$) and correlation value ($r=0.615$). The implication of this study suggests that the activity of Quranic memorization need to be given a special attention and its mixture should be cohesively planned in academic fields because Quranic memorization influences the students' academic excellence.

Keywords: impact of Quranic memorization, memorization of al-Quran, excellence, academic, professional huffaz

1. Pengenalan

Metode pengajaran al-Quran merupakan kaedah sistem pendidikan awal dalam Islam yang diterapkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat baginda. Pendekatan pengajaran al-Quran secara hafazan yang diaplikasikan oleh Rasullulah s.a.w selari dengan kaedah pengajaran al-Quran oleh Malaikat Jibril a.s. ketika menyampaikan wahyu (Al-A'la 87:6).

Hafazan al-Quran dalam arus pendidikan di Malaysia telah memberi impak yang sangat positif daripada sudut sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar. Muhaidi (2010) membuktikan penghasilan pelajar yang holistik dan berkualiti telah direalisasikan berdasarkan falsafah pendidikan negara ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada unutk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan kehebatan mukjizat al-Quran.

Hafazan al-Quran merupakan faktor pemungkin yang mempengaruhi pencapaian akademik terutama dalam kalangan pelajar Islam seperti yang dikaji oleh Salasiah et al. (2012). Faktor lain seperti faktor sosioekonomi, tahap pendidikan ibubapa, pendapatan keluarga, motivasi diri, gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran merupakan antara faktor yang turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar selain daripada hafazan al-Quran.

Penghafalan (*memorization*) daripada perspektif neurosains melibatkan proses pembelajaran, proses pembentukan ingatan, proses penyimpanan ingatan, proses pengeluaran kembali ingatan (*recall*) dan sebagai bukti kemampuan kognitif luar biasa yang berpusat di otak manusia (Very Julianto & Magda Bhinnety 2011; Zulfa Izza et al. 2012). *Short term memory* mempunyai kapasiti terhad, masa singkat dan dalam keadaan separuh sedar. Manakala *long term memory* pula mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumat akan teraktif apabila dirangsang (Zulfa Izza et al. 2012).

Kebelakangan ini pengajian dalam bidang tafsir al-Quran menjadi pilihan pelajar masa kini dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya dalam kalangan ibubapa yang mahu menghantar anak mereka untuk mengikuti pengajian ini. Nordin (2015) menyatakan bilangan permohonan untuk memasuki institusi yang menawarkan tafsir al-Quran di Darul Quran khususnya dan di seluruh negara sama ada di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan atau swasta semakin bertambah dari tahun ke tahun. Hal ini disebabkan timbul kesedaran terhadap kepentingan hafazan al-Quran dalam meningkatkan kecemerlangan anak-anak (Ismarulyusda et al. 2016).

Namun, timbulnya persoalan apakah kesan hafazan al-Quran terhadap kemerlangan akademik pelajar. Objektif utama dalam kajian ini ialah menganalisis kesan dan hubungan hafazan al-Quran terhadap aspek kecemerlangan akademik pelajar Ijazah Sarjana Muda Quran Sunnah Dengan Kepujian USIM di Darul Quran.

2. Pernyataan Masalah

Fenomena kewujudan Maahad Tahfiz al-Quran (MTAQ) telah mewarnai sebahagian daripada rekod kecemerlangan pendidikan negara hasil kejayaan para pelajarnya. Dunia hari ini memerlukan para huffaz yang profesional dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan jati diri yang unggul disamping berdaya maju untuk mengorak langkah menerajui dunia. Mengadunkan ilmu al-Quran dan akademik secara bersepada sangat membantu kecemerlangan pelajar. Ini sekaligus menolak tanggapan bahawa pelaksanaan aliran dwisistem adalah membebankan dan menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada bidang akademik. (Muhaidi Mustafa 2010; Muhammad Zawawi & Nor Hafizi 2016).

Salasiah et al. (2012) membuktikan prestasi pencapaian akademik pelajar dapat dikaitkan dengan amalan kerohanian. Sebuah negara memerlukan generasi yang kuat aspek mental dan jiwa di samping pintar intelektualnya yang terhasil daripada amalan *spirituality* ini. Seiring dengan kemajuan yang semakin pesat membangun, dunia pendidikan di Malaysia telah mengorak langkah dengan penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) dan pengajian Ulul Albab yang telah diperkenalkan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dengan menawarkan program hafazan di samping subjek akademik (Mardhiah Yahaya 2016; Sidek Baba 2016).

Hasil daripada permintaan yang tinggi, kewujudan sekolah tafsir swasta dan sekolah tafsir rakyat

yang bertujuan untuk memenuhi permintaan menjadi tidak terkawal kerana bergerak dengan haluan sendiri dan tanpa penyelarasian. Pemeriksaan pendidikan tafsir di Malaysia seperti perangkaan Dasar Pendidikan Tafsir Negara (DPTN) dan sukanan kurikulum yang seragam dan bersepadu perlu segera dilaksanakan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkeperluan (Sabri Mohamad et al. 2016; Solahuddin Ismail 2016).

3. Metode Kajian

Kajian ini menggunakan metode penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Biasanya kajian tinjauan dilakukan dengan cara menemubual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab (Chua Yan Piaw 2006). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik jawapan dipilih (Likert).

Kajian ini menggunakan teknik pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert empat mata (Rosmawati 2013) sebagai skala jawapan responen terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Responen diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 4 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (4).

Nilai alpha Cronbach dalam kajian ini berada pada indikator Sangat Tinggi dengan nilai 0.922. Proses penganalisisan data-data kuantitatif ini menggunakan analisis deskriptif seperti frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan dan analisis inferensi berbentuk regresi dan korelasi.

Kajian ini telah dijalankan di Darul Quran, JAKIM yang melibatkan seramai 84 orang pelajar sebagai populasi tetapi hanya 70 orang pelajar sahaja yang dipilih sebagai responen. Responen kajian ini terdiri daripada pelajar semester dua dan semester empat yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Quran Sunnah dengan Kepujian USIM di Darul Quran.

4. Dapatan Kajian

Kesan Menghafaz al-Quran

Jadual 1 menunjukkan frekuensi, min dan sisihan piawai kesan menghafaz al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua item mencatatkan interpretasi min berada pada tahap sederhana tinggi. Interpretasi min pada item disusun mengikut turutan menurun dari min yang paling tinggi hingga ke min yang paling rendah. Item aktiviti hafazan al-Quran dapat mengurangkan tahap tekanan perasaan dan meningkatkan tahap ketenangan saya untuk fokus dalam pelajaran ($\text{min}=3.64$, $\text{sp}=0.51$) peratus setuju dan sangat setuju 98.6%, item hafazan al-Quran telah memberi perubahan dan kesan yang besar terhadap kecemerlangan akademik saya ($\text{min}=3.64$, $\text{sp}=0.51$) peratus setuju dan sangat setuju 98.6%, item aktiviti hafazan al-Quran meningkatkan daya ingatan dan tumpuan saya terhadap bidang akademik ($\text{min}=3.63$ $\text{sp}=0.49$) peratus setuju dan sangat setuju 100%.

Item disiplin ketika menghafaz dan memelihara hafazan al-Quran membantu saya mendisiplinkan diri dalam bidang akademik ($\text{min}=3.61$, $\text{sp}=0.57$) peratus setuju dan sangat setuju 95.7%, item kesibukan menghafaz al-Quran bukan penghalang untuk saya mencapai kejayaan ($\text{min}=3.59$, $\text{sp}=0.53$) peratus setuju dan sangat setuju 98.6%, item aktiviti hafazan al-Quran banyak membantu kecemerlangan saya dalam bidang akademik ($\text{min}=3.51$, $\text{sp}=0.53$) peratus setuju dan sangat setuju 98.6%.

Item semakin banyak juzuk al-Quran yang dihafaz, semakin kuat daya ingatan saya ketika mengulangkaji pelajaran ($\text{min}=3.43$, $\text{sp}=0.53$) peratus setuju dan sangat setuju 98.6%, item silibus hafazan al-Quran 30 juzuk dalam silibus mata pelajaran tidak menjadi beban akademik kepada saya ($\text{min}=3.40$, $\text{sp}=0.60$) peratus setuju dan sangat setuju 94.3%, item saya mampu memberi tumpuan kepada bidang akademik walaupun perlu menghafaz silibus al-Quran 30 juzuk ($\text{min}=3.39$, $\text{sp}=0.62$) peratus setuju dan sangat setuju 92.8%, item pencapaian hafazan al-Quran saya seiring dengan pencapaian akademik saya ($\text{min}=3.31$, $\text{sp}=0.65$) peratus setuju dan sangat setuju 90%.

Jadual 1 Kesan Hafazan al-Quran

Bil	Pernyataan	Peratus (%)					
		STS	TS	S	SS	Min	S.P
1	Aktiviti hafazan al-Quran dapat mengurangkan tahap tekanan perasaan dan meningkatkan tahap ketenangan saya untuk fokus dalam pelajaran	- (1)	1.4 (23)	32.9 (46)	65.7	3.64	.512
2	Hafazan al-Quran telah memberi perubahan dan kesan yang besar terhadap kecemerlangan akademik saya	- (1)	1.4 (23)	32.9 (46)	65.7	3.64	.512
3	Aktiviti hafazan al-Quran meningkatkan daya ingatan dan tumpuan saya terhadap bidang akademik	- (26)	- (44)	37.1 (44)	62.9	3.63	.487
4	Disiplin ketika menghafaz dan memelihara hafazan al-Quran membantu saya mendisiplinkan diri dalam bidang akademik	- (3)	4.3 (21)	30.0 (46)	65.7	3.61	.572
5	Kesibukan menghafaz al-Quran bukan penghalang untuk saya mencapai kejayaan	- (1)	1.4 (27)	38.6 (42)	60.0	3.59	.525
6	Aktiviti hafazan al-Quran banyak membantu kecemerlangan saya dalam bidang akademik	- (1)	1.4 (32)	45.7 (37)	52.9	3.51	.531
7	Semakin banyak juzuk al-Quran yang dihafaz, semakin kuat daya ingatan saya ketika mengulangkaji pelajaran	- (1)	1.4 (38)	54.3 (31)	44.3	3.43	.527
8	Silibus hafazan al-Quran 30 juzuk dalam silibus mata pelajaran tidak menjadi beban akademik kepada saya	- (4)	5.7 (34)	48.6 (32)	45.7	3.40	.600
9	Saya mampu memberi tumpuan kepada bidang akademik walaupun perlu menghafaz silibus al-Quran 30 juzuk	- (5)	7.1 (33)	47.1 (32)	45.7	3.39	.621
10	Pencapaian hafazan al-Quran saya seiring dengan pencapaian akademik saya	- (7)	10.0 (34)	48.6 (29)	41.4	3.31	.649

STS - Sangat Tidak Setuju

TS - Tidak Setuju

S - Setuju

SS - Sangat Setuju

S.P - Sisihan Piawai

Sumber: Soal selidik (2017)

Analisis Kecemerlangan Akademik Pelajar

Berdasarkan analisis terhadap PNGK semasa pengajian, majoriti responden mendapat penarafan akademik Kelas Kedua Atas dengan jumlah seramai 84.3% (59 orang). Jumlah responden yang telah mendapat Kelas Pertama dan Kelas Kedua Bawah adalah hampir seimbang iaitu 5 orang (7.1%) yang mendapat Kelas Pertama dan 6 orang (8.6%) yang mendapat Kelas Kedua Bawah. Tiada responden (0%) yang mendapat Kelas Ketiga. Secara keseluruhannya, seramai 64 orang pelajar (91.4%) telah memperoleh PNGK melebihi 3.00.

Jadual 2 Taraf Kecemerlangan Akademik

Taraf Pencapaian Akademik	Kekerapan	Peratusan
Kelas Pertama	5	7.1%
Kelas Kedua Atas	59	84.3%
Kelas Kedua Bawah	6	8.6%
Jumlah	70	100%

Sumber: Soal selidik (2017)

Analisis Korelasi Pencapaian Akademik berdasarkan Faktor Hafazan al-Quran

Jadual 3 di bawah menunjukkan perkaitan positif yang kukuh di antara hafazan al-Quran ($r=0.615$, $p=0.00$) dengan pencapaian akademik.

Jadual 3 Pekali Korelasi antara Hafazan al-Quran oleh Zero Order Korelasi Separa

Pemboleh Ubah	Hafazan al-Quran	Pencapaian Akademik
Hafazan al-Quran	1.00 (0.00)	
Pencapaian Akademik	0.615 (0.00)	1.00 (0.00)

a. Cells contain zero-order (Pearson) correlation

Nilai pekali korelasi 0.615 menunjukkan tahap korelasi di antara kedua-dua pemboleh ubah secara keseluruhannya adalah kukuh (Davies, 1971). Keputusan ini menjelaskan bahawa hafazan al-Quran turut menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar.

Analisis Regresi Pencapaian Akademik berdasarkan Faktor Hafazan al-Quran

Analisis regresi dalam kajian ini menentukan faktor yang menjadi peramal kepada pencapaian akademik pelajar. Faktor hafazan al-Quran sebagai faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar ditunjukkan seperti jadual 4 di bawah. Secara keseluruhannya, faktor hafazan al-Quran menyumbang sebanyak 37.8 peratus varian dalam pencapaian akademik pelajar.

Jadual 4 Analisis Regresi Pencapaian Akademik berdasarkan Faktor Hafazan al-Quran

Model	Regresi		
	β	t	p
Hafazan al-Quran	0.615	3.861	0.000
1 $\Delta R^2=0.378$	F=41.278	$p=0.000$	

Berdasarkan hasil kajian ini, secara kolektifnya faktor peramal menyumbang secara signifikan. Ini bermakna pendedahan kepada faktor hafazan al-Quran secara langsung turut meningkatkan kecemerlangan akademik dalam kalangan pelajar.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kepentingan mengadunkan ilmu al-Quran dan akademik di dalam acuan yang sama merupakan aspek yang penting dalam dunia akademik seorang pelajar. Kesan daripada menghafaz al-Quran sangat dirasai oleh pelajar dan diterjemahkan oleh pelajar melalui pencapaian akademik yang cemerlang. Kajian ini membuktikan kesan hafazan al-Quran menyumbang sebanyak 37.8% varian dalam pencapaian akademik pelajar ($\Delta R^2=0.378$; $p=0.000$). Manakala nilai pekali korelasi 0.615 menunjukkan tahap korelasi di antara kedua-dua boleh ubah secara keseluruhannya berada pada tahap kukuh. Keputusan ini menjelaskan bahawa hafazan al-Quran turut menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Ismarulyusda Ishak, Nor Malia Abdul Warif, Farah Wahida Ibrahim, Siti Nur Rasyidah Md Ramli & Sabri Mohamad. 2016. Kesan Bacaan atau Hafazan al-Quran terhadap Kesihatan dan Tahap Kecerdasan. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 55-60. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Mardhiah Yahaya. 2016. Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) di MRSM Ulul Albab. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 76-86. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Muhammad Zawawi & Nor Hafizi. 2016. Amalan Spiritual Menghafaz al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar IMTIAZ Negeri Terengganu. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 103-115. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Rosmawati Mohamad Rasit. 2013. Hubungan Penontonan Filem Da'wah Dengan Pembentukan Personaliti Prososial Remaja. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. 2016. Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah dalam Membina Kurikulum Tahfiz al-Quran . Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 145-153. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. the Relationship Between Spiritual Practice and Student'S Academic Performance. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*, 4(2), 51–60. doi:10.1073/pnas.0703993104
- Sidek Baba. 2016. Perkasa Pendidikan Tahfiz Negara. *Utusan Malaysia*, 27 Mac: 3.
- Solahuddin Ismail. 2016. Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 194-201. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Very Julianto & Magda Bhinnety Etsem. 2011. The Effect of Reciting Holy Quran toward Short-term Memory Ability Analysed throughout the Changing Brain Wave. *Jurnal Psikologi* 38(1): 17-29.
- Zulfa Izza Mohamed @ Hashim, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Rohaida Mohd. Saat & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2012. Analisis Kritikal terhadap Kaedah-Kaedah Penghafazan al-Quran dari Perspektif Neurosains Kognitif. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari SQ2012*. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Permai Hotel, Kuala Terengganu, 1 & 2 Disember.